

25 MAY 2004  
KOMPAKAR-GLOBAL  
SISTEM KOMPAKAR MAHU TEMBUSI INDUSTRI ICT GLOBAL

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Penyedia teknologi Sistem Kompakar Sdn Bhd (Kompakar) mahu menembusi pasaran industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) global dengan mengembangkan operasinya ke Singapura, Thailand, Hong Kong dan Australia, kata pengerusi eksekutifnya, Tunku Datuk Seri Shahabuddin Tunku Besar Burhanuddin, hari ini.

"Baru-baru ini kami membeli 84 peratus pegangan dalam SCS Computer Systems Sdn Bhd dengan harga RM28 juta daripada Singapore Computer Systems Limited, yang tersenarai di Papan Utama Singapore Exchange (SGX)," katanya.

Sistem Kompakar dimiliki 50 peratus oleh Tunku Shahabuddin manakala bakinya dipegang oleh Datuk Mokhzani Mahathir menerusi Rumpun Harapan Sdn Bhd.

Bermula tahun ini dan seterusnya, Tunku Shahabuddin berkata Kompakar akan memberi tumpuan kepada bidang kepakarannya sendiri dengan menubuhkan pelbagai anak syarikat bagi menampung keperluan industri yang berbeza dan menumpukan untuk membina domain teknologi.

"Kami telah berjaya mengharungi krisis kewangan dan bangkit semula dengan lebih kukuh untuk memenuhi cabaran di masa depan," kata beliau yang sebelum ini memiliki 16 peratus pegangan dalam SCS Computer Systems Sdn Bhd.

Kompakar, yang diperbadankan pada 1988, menjadi syarikat utama yang bertanggungjawab menggalakkan penggunaan ICT dalam sektor awam dan swasta di Malaysia.

Kepakarannya adalah dalam pelbagai industri daripada intergrasi sistem dan pengurusan projek, aplikasi perindustrian, penyelesaian aplikasi persian, perkhidmatan profesional dan runding cara, sistem perangkaan dan server, perkhidmatan sokongan seluruh negara hinggalah kepada perkhidmatan sistem komputer.

Kompakar telah menubuhkan banyak anak syarikat seperti Kompakar eRetail Sdn Bhd, Kompakar eInfrastructure Sdn Bhd, Kompakar eNet Sdn Bhd, Kompakar eBiz Sdn Bhd dan Kompakar eHealth Tech Sdn Bhd untuk melaksanakan pelbagai projek. Anak syarikat ini berada di bawah pengerusian Encik Looi Kien Leong, yang sebelum ini adalah pengerusi PIKOM, persatuan syarikat komputer di Malaysia. -- BERNAMA  
ZUZ SHY ZK